



YBR di STAR Camp!

*Community Heroes
Siswa Rakyat*

EDISI FEBRUARI

COMMUNITY HEROES

SISWA RAKYAT

Keterujaan seramai 120 orang pelajar daripada SMK Yaakob Latif, Cheras tampak jelas di wajah mereka apabila melihat kehadiran fasilitator-fasilitator dalam memberikan semangat dan motivasi kepada mereka supaya cemerlang di dalam peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Kerjasama antara pihak YBR serta USM yang diketuai oleh Dr Syed Mohamad Syed Abdullah, telah membawa bersama 16 para fasilitator terlatih untuk membantu merancang masa dan kaedah pembelajaran para pelajar tingkatan 4 dan 5 supaya berpeluang memasuki peringkat pengajian tinggi. Selain itu, mereka turut diberikan gambaran yang jelas untuk hala tuju selepas tamatnya SPM dan bagaimana hendak mencapai cita-cita kerjaya yang dihasratkan.





Seronoknya! Lebih daripada 1,000 orang pengunjung kelihatan teruja setelah mengunjungi NURI LAB yang tiba di Dewan Rafulin SMK Raja Muda Musa, Kuala Selangor pada 10 Februari dan Dewan Sekolah Agama Menengah Muhammadiyah, Sabak Bernam pada 11 Februari untuk Seminar Transformasi Nasional (Star Camp) 2018. Star Camp anjuran bersama Persatuan Alumni Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (PIMPIN), Pertubuhan Alumni Penggerak Mahasiswa Universiti Malaya (PAPMUM) dan Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA) telah membawa objektif yang serasi dengan YBR dalam meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat Malaysia dengan memberikan pelbagai inisiatif badan kerajaan dan bukan kerajaan boleh digunakan buat masyarakat untuk memulakan pekerjaan dan mengembangkannya.

YBR yang turut serta dalam program ini turut sama memberikan pendedahan dan mempromosi pelbagai produk Yayasan Bank Rakyat selain daripada NURI LAB seperti Talent Rakyat, Pembiayaan Pendidikan Boleh Ubah (PPBU), dan Serambi Ilmu Rakyat (S.I.R).

YAYASAN BANK RAKYAT DI STAR CAMP!

COMMUNITY HEROES

Program sukarelawan cukup sinonim dengan pelajar tajaan YBR, hari ini mereka yang bersungguh-sungguh menjadi sukarelawan seramai 110 orang telah menjalankan misi dengan pembersihan tanah perkuburan Islam serta penanaman pokok di Tebuk Murfad, Bagan Nakhoda Omar (BNO), dan Sg Air Tawar yang terletak sekitar kawasan parlimen Sabak Bernam bersama-sama komuniti setempat. Turut sama memeriahkan majlis pada hari yang sama ialah Yang Berusaha Tuan Mohd Razali Wahab, Timbalan Ketua Pengarah, Penyelarasan Projek Khas, Jabatan Perdana Menteri bagi merasmikan Program Star Camp dan Pelancaran Tuition Rakyat kepada 12 buah sekolah di parlimen Sabak Bernam.



Program YBR Sepanjang MAC 2018

Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
1	Back To School	03/03/2018	SK Seri Puteri, Batu Pahat
2	STARCamp	03/03/2018	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
3	STARCamp	04/03/2018	Politeknik Balik Pulau
4	Back To School	08/03/2018	SK Undang Johol, Kuala Pilah
5	STARCamp	09/03/2018	SMK Bandar Machang
6	Back To School	09/03/2018	SK Jalan Paya Besar, Padang Serai
7	Back To School	10/03/2018	SMK Gurun, Jerai
8	STARCamp	10/03/2018	SMK Padang Kala, Ketereh
9	Nuri LAB Tour	10/03/2018	SK Presint 18(1), Putrajaya
10	STARCamp	11/03/2018	Kolej Vokasional Bachok
11	Back To School	11/03/2018	SK Sungai Tengah
12	Back To School	14/03/2018	-
13	ICON	17/03/2018	Dewan Serbaguna Sungai Bayor
14	Nuri LAB Tour	17/03/2018	SK Assam Jawa, Kuala Selangor
15	STARCamp	21/03/2018	Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM
16	STARCamp	22/03/2018	Dewan Besar, UPM
17	Karnival Kelab Nuri	22-24/03/2018	KB Mall, Kota Bharu, Kelantan
18	Jelajah Pendidikan Bumiputera	24/03/2018	SM Sains Bagan Datoh
19	STARCamp	24/03/2018	Auditorium Kompleks Perdana Siswa, UM
20	Jelajah Pendidikan Bumiputera	25/03/2018	Batu Kurau, Larut
21	STARCamp	26/03/2018	Dewan Utama Pusat Kebudayaan, UIAM
22	Back To School	26/03/2018	Dataran Permata Kampung Baru, Seberang Takir
23	STARCamp	27/03/2018	Dewan Agong Tuanku Canselor
24	Jelajah Pendidikan Bumiputera	27/03/2018	SMK Dato' Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas
25	Jelajah Pendidikan Bumiputera	28/03/2018	SMK Seri Balik Pulau
26	Jelajah Pendidikan Bumiputera	29/03/2018	SMK Syed Alwi, Kangar
27	Jelajah Pendidikan Bumiputera	31/03/2018	SMK Dato' Syed Ahmad
28	Seminar Didik Rakyat SPM	31/03/2018	-
29	Seminar Didik Rakyat UPSR	31/03/2018	-
30	Seminar Didik Rakyat UPSR	31/03/2018	-



@officialybr



@OfficialYBR


 Download My YBR apps NOW!
 Available on the App Store
 Get it on Google Play